

Media Title	: Berita Harian
Headline	: Sindiket buka syarikat jadi akaun keldai perdaya mangsa
Date	: 21 November 2023
Section	: Nasional
Page	: 19



# Sindiket buka syarikat jadi akaun keldai perdaya mangsa

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesan kewujudan trend pendaftaran syarikat bagi tujuan pembukaan akaun bank bagi tujuan dijadikan keldai akaun.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata pembukaan akaun bank atas nama syarikat menjadi pilihan kerana ia membolehkan transaksi kewangan dibuat secara lebih kerap dan membabitkan amaun lebih besar.

Beliau berkata, setakat ini polis mengesan 86 syarikat dan 70 perniagaan yang didaftarkan untuk tujuan sedemikian.

“Sebagai langkah pencegahan, PDRM mencadangkan agar prosedur serta syarat pendaftaran sya-

rikat dan perniagaan diperhalusi dan diperketatkan.

“Beberapa kriteria seperti tapisan rekod menjahat dan rekod kewangan wajar dipertimbangkan untuk dijadikan sebahagian prasyarat sebelum pendaftaran syarikat serta perniagaan diluluskan,” katanya.

Ramli berkata, cadangan sama disarankan dalam soal pembukaan akaun bank di institusi kewangan, yang mana semakan yang terperinci dan syarat yang lebih ketat perlu dikenakan sebelum pembukaan akaun bank milik syarikat atau perniagaan diluluskan.

“PDRM juga menyarankan agar pihak kerajaan turut melihat cadangan ‘Shared Responsibility Framework’ yang diperkenalkan

oleh kerajaan Singapura dalam usaha membendung kes ‘phishing scam’ di negara itu.

“Melalui cadangan ini, pihak institusi kewangan yang gagal melaksanakan peranan mereka dengan sewajarnya boleh ditanggungjawab untuk membayar kerugian yang dialami oleh mangsa,” katanya.

## 41 laporan transaksi saham

Dalam perkembangan berasingan, Ramli berkata, polis menerima 41 laporan berkaitan penipuan pelaburan berasaskan transaksi jual beli saham dikenali ‘CCF Trade’ dan ‘EXGCOO 2023’ melalui media sosial membabitkan kerugian RM8.05 juta, setakat ini.

Beliau berkata, siasatan men-

dapati sindiket terbabit bergiat aktif menipu mangsa di seluruh negara dengan menawarkan pelaburan dengan pulangan tinggi melalui media sosial.

“Sindiket menawarkan pelaburan keronnya berasaskan transaksi jual beli saham di Malaysia serta pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat dan Hong Kong.

“Pelabur yang berminat diminta untuk memuat turun aplikasi bagi melihat akaun mereka menjana keuntungan, namun ia tidak dapat dikeluarkan.

“Setakat ini sebanyak 41 kes sedang disiasat membabitkan nilai kerugian RM8.05 juta,” katanya.

Ramli berkata, siasatan mendapati kebanyakan mangsa berusia antara 29 hingga 79 tahun, terdiri dari pelbagai latar belakang

pekerjaan, bagaimanapun majoriti mereka adalah pesara serta ahli perniagaan.

Sehubungan itu, beliau turut menggesa mana-mana individu yang menjadi mangsa skim penipuan ini untuk segera tampil membuat laporan polis di balai polis berhampiran.

Dalam kes berasingan, Ramli berkata, seramai 45 individu ditahan kerana disyaki terbabit dengan sindiket penipuan pelaburan ‘Yomaex’ setakat ini.

“Tangkapan terbaru membabitkan empat lelaki berusia lingkungan 37 hingga 63 tahun yang mana tiga daripadanya berperanan sebagai pengarah syarikat, manakala seorang lagi sebagai pencari akaun keldai,” katanya.